

Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan bahasa**. **Gariskan kesalahan bahasa** tersebut dan **tulis** jawapan yang betul pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- i. Kemarau ialah bencana alam yang berpunca dari cuaca panas dan kurangnya hujan.

- ii. Sebagai sebuah negara berbagai-bagai kaum, Malaysia memerlukan amalan perkongsian budaya di dalam kalangan rakyat.

- iii. Para pemimpin masyarakat kerap membincangkan tentang masalah gejala sosial dalam kalangan remaja yang semakin berleluasa.

- iv. Adalah dimaklumkan bahawa Seminar Kecemerlangan PT3 akan bermula pada hari Isnin minggu hadapan.

Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis** ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- i. Kemudahan pengangkutan awam di negara ini sedang dinaiktaraf oleh pihak yang berkenaan.

- ii. Setiap calon Sijil Pelajaran Malaysia mestilah lulus dalam matapelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah untuk memperoleh sijil SPM.

- iii. Puan Mariah meminta kontraktor muda itu membina rumah baharunya mengikut plan yang telah ditetapkan.

Latihan 2

Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis** ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- i. Industri pefileman yang semakin pesat dan canggih telah mempengaruhi perkembangan sahsiah anak-anak.

- ii. Kebanyakan pelanggan sangat berpuas hati akan kelazatan masakan di Restoran Selera Timur.

- iii. Datuk saya yang mengidap penyakit kencing manis dan darah tinggi perlu berjumpa dengan doktor dari semasa ke semasa.
